

D519

U B820 AAB  
CHOGM - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR HAHATHIR MOHAMAD HARI INIBERKATA, KENYATAAN KUALA LUMPUR MENGENAI WILAYAH AFRIKA SELATAN DAN DEKLARASI LANGKAWI MENGENAI ALAM SEKITAR IALAH DUA HASIL KEJAYAAN SIDANG KEMUNCAC KOMANWEL DI SINI.

DEKLARASI LANGKAWI, SATU **DAYA USAHA MALAYSIA**, MEMPERLIHATKAN BUAT PERTAMA KALINYA **NEGARA-NEGARA MAJU** DAN **SEDANG MEMBANGUN** HENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA ISU PENGAWALAN ALAMSEKITAR, BELIAU MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI PENUTUPAN SIDANG KEMUNCAC SELAMA SEMINGGU YANG BERAKHIR DISINI HARI INI.

YANG TURUT HADIR IALAH SETIAUSAHA AGUNGKOMANWEL, SIR SHRIDATH RAMPHAL, YANG AKAN BERUNDUR'DARIPADA JAWATANNYA JULAI DEPAN.

SAMBILMENYATAKAN BAHAWA MALAYSIA AMATMEMANDANGBERAT TERHADAP ISU ALAMSEKITAR, BELIAU BERKATA, DIA BERPUAS HATI TERDAPATNYA KESEIHBANGAN PANDANGAN ANTARA NEGARA MAJU DAN NEGARA SEDANG MEMEANGUN MENGENAI ISU TERSEBUT.

+SAYA AMAT MEMANDANGBERAT TERHADAP KEMPENMENGENAIALAM SEKITAR TERUTAHANYA YANG MENDATANGKAN KESAN TERHADAP NEGARA-NEGARA SEDNAG MEHBANGUN SEPERTI MALAYSIA,+ KATANYA DAN HENAMBAH KATA BAHAWA CARA SEKARANG IALAH DENGAN MELETAKKAN KESALAHAN MENGENAI APA SAHAJA YANG KOTOR,KEPADA NEGARA-NEGARA SEDANG MEHBANGUN TANPA MEMBERI PELUANG KEPADA KERAJAAN-KERJAANITU UNTUK MENYATAKAN PENDIRIANNYA. -- LAGI 2046HST 24 10 89

D530

U 8825 AAB  
CHOGM - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGAKUI BAHAWA DEKLARASI LANGKAWI YANG DIKELUARKAN ADALAH +LEMBUT+ BERBANDING DENGAN KENYATAANNYA SEMASA MEMBUKA MESYUARAT ITU RABU LEPAS DI MANA BELIAU TELAH MENGATAKAN BAHAWA SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PUNCAUTAMA MASALAH ALAMSEKITAR DUNIA HARI INI ADALAH DISEBABKAN OLEH NEGARA-NEGARA MAJU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA, PADA MESYUARAT SEPERTI KOMANWEL SATU PERSEIMBANGAN HARUSLAH WUJUD ANTARA SEMUA PANDANGAN YANG DIUTARAKAN SEPERTI YANG DIGAMBARAKAN OLEH DEKLARASI LANGKAWI.

MESYUARAT ITU MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENUMPUKAN MASA YANG SAMABANYAK KEPADA MEMBINCANGKAN MENGENAI DASAR APARTEID DI AFRIKA SELATAN DIMANA+KAMI BERSETUJU MENGENAI HAHPIR KESELURUHAN PERKARA YANG DIBANGKITKAN.+

SATU LAGI KEJAYAAN HENGENAI SEKATAN UNTUK MENGHAPUSKAN APARTEID DI AFRIKA SELATAN, KATANYA BAGIDIRINYA, HANYA KENYATAAN KL MENGENAI +WILAYAH SELATAN AFRIKA : JALAN DI HADAPAN+ MERUPAKAN SATU PENDIRIAN CHOGM DAN BUKAN KENYATAAN-KENYATAAN YANG LAIN.

BELIAU HENYIFATKAN SATU KENYATAAN LAIN YANG DIBUAT OLEH PERDANA MENTERI BRITISH, PUAN MARGARET THATCHER HENGENAI SEKATAN DAN APARTEID SEBAGAI +AMAT MALANG.+

+SAYA PERCAYA BAHAWA APABILA ANDA BERBARIS DAN SEMUA ORANG MENAPAKKAN KAKI KIRI KE HADAPAN SEDANGKAN ANDA PULA MENAPAKKAN KAKI KANAN KE HADAPAN MAKA JELAS SEKALIANDA TERSALAH LANGKAH.....SAYA TIDAK DAPAT BERKATA LEBIH DARIPADA ITU,+ KATANYA. -- LAGI 2109MST 24 10 89

U- 8830 AA5  
CHOGM - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA +SENTIASA TEGAS DENGAN  
'PENDIRIANNYA MAHU MELIHAT TERHAPUSNYA+ PEMERINTAHAN MINORITI RAKYAT  
KULIT PUTIH DI PRETORIA.

SAMBIL MENEGASKAN SEKALI LAGI BAHAWA KOMANWEL +ATIAT SERIUS+  
MENGENAI PERSOALAN AFRIKA SELATAN DAN ALAM SEKITAR BELIAU BERKATA,  
KOMANWEL AGAK BERPENGARUH DALAM ERTI KATA BAHAWA GESAANNYA UNTUK  
MENGADAKAN SEKATAN BAGI MENGHAPUSKAN APARTEID DI AFRIKA SELATAN  
DITERIMA OLEH BEBERAPA NEGARA EROPAH.

+KOMANWEL BUKANLAH MERUPAKAN KELAB ORANG-ORANG BERKEDUDUKAN  
TINGGI YANG BERTUTURBAHASA INGGERIS,+ BELIAU MENAMBAH KATA.

BILA DITANYA APAKAH PERKARA YANG BOLEH DIANGGAP SEBAGAI  
+KEPINCANGAN+ SIDANG PUNCAK ITU, BELIAU BERKATA:+ANDA TAHU APAKAH  
KEPINCANGANNYA.... SAYA TIDAK PERLU MENYEBUTNYA.+

MENGENAI PEMULANGAN PELARIAN VIETNAM KE NEGARA ASAL MEREKA,  
DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, NEGARA-NEGARA PERTAMA YANG MEREKA  
SINGGAHBEBASBERBUAT DEMIKIAN KE ATAS MEREKA YANG TELAH DIDAPATI  
BUKAN MERUPAKAN ORANG-ORANG PELARIAN.

MALAYSIA,KATANYA, TIDAK MAHU MENANGGUNG MASALAH SAKI-BAKI  
ORANG-ORANG PELARIAN YANG TIDAK BERJAYA DITEMPATKAN SEMULA DI NEGARA  
KETIGA SELEPAS NEGARA BERKENAAN TELAH MEMBUAT PILIHAN MEREKA. -- LAGI  
2133MST 24 10 89

U 5841 AA5  
CHOGM - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGABERKATA BAHAWA SEBAGAIMEMECAH  
TRADISI KOMANWEL BELIAU AKAN KEKAL SEBAGAI PENERUSI CHOGM KUMPULAN  
PENILAIAN PERINGKAT TERTINGGI UNTUK MENIMBANG PERANAN BARU DAN CORAK  
KERJASAMABAGI KOMANWEL PADA TAHUN 1990AN DAN SELEPAS ITU.

NEGARA-NEGARA ANGGOTA LAIN DALAM KUMPULAN ITU IALAH AUSTRALIA?  
BAHAMAS, BRITAIN,KANADA, INDIA, NIGERIA, SINGAPURA DAN ZAMBIA.'

MENGENAI PANDANGAN BERAT KOMANWEL BAGISOAL KESELAMATAN  
NEGARA-NEGARA KECIL, BELIAU BERKATA, MEREKA BUKANLAH MEMIKIRKAN SATU  
PAKATAN PERTAHANAN KOMANWEL SEPERTI PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA  
YANG MENGHUBUNGKAITKANMALAYSIA,SINGAPURA, BRITAIN, NEW ZEALAND DAN  
AUSTRALIA.

+BAGAIMANAPUN KAMI MENYEDARI BAHAWA BEBERAPA NEGARA KECIL ADALAH  
DALAM KEADAAN BAHAYA KEMUNGKINAN DISERANG OLEH WARGANEGARA MEREKA  
SENDIRI ATAU KARTEL DADAH YANG LAIN,+ JELASNYA.

BELIAU BERKATA, MEREKA MERUJUK KEPADA PENGALAMAN SEPERTI DI  
KEPULAUAN MALDIVES DI MANA ANGGOTA TENTERA INDIA TERPAKSA  
CAMPURTANGAN, GRENADA DI MANA ANGKATAN TENTERA AMERIKA DIHANTAR KE  
NEGARA ITU DAN COLOMBIA DI MANA KARTEL DADAH SEDANG MEMBAHAYAKAN  
SESEBUAH KERAJAAN.

KATANYA, KOMANWEL BELUM LAGI MENGELUARKAN SEBARANGFORMULA UNTUK  
MEMBANTU NEGARTA-NEGARA KECIL TETAPI IA MERASAKAN BAHAWA KEBIMBANGAN  
NEGARA-NEGARA KECIL ITU ADALAH TULEN. -- BERNAMA  
2152MST 24 10 89